

# JCorp anjur program Kembali ke Sekolah

→ Bantu pelajar kurang mampu buat persiapan

Oleh Nurul Amanina Suhaini  
bjhb@bjh.com.my

Kota Tinggi

Johor Corporation (JCorp) meneruskan program Jalinan Ukhluwah dengan meraikan 100 murid Sekolah Kebangsaan (SK) LKTP Sungai Mas dan SK Bandar Mas, dekat sini, yang kurang berkemampuan membuat persiapan sesi persekolahan 2017.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Kembali ke Sekolah itu diadakan di Felda Sungai Mas, dekat sini.

Timbalan Pengurus Besar, Jabatan Pembangunan Bisnes JCorp,

Shamsulbahri Md Dali, berkata Program Jalinan Ukhluwah itu diigerakkan oleh Divisyen Tanggungjawab Korporat menerusi Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan Jabatan Bisnes Amal.

Katanya, program itu menjadi antara platform bagi JCorp dan semua pekerjaanya untuk bersama-sama mendekati dan berbakti kepada masyarakat.

## Dampingi masyarakat

"Program yang diperkenalkan sejak awal tahun 2014 ini menjadi antara inisiatif JCorp bagi mendampingi masyarakat dengan kerjasama jawatankuasa penyelaras mukim di semua dewan undangan negeri (DUN) Johor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



**Antara peserta yang menjayakan program Jalinan Ukhluwah dan Bantuan Kembali ke Sekolah yang diadakan di Felda Sungai Mas, Kota Tinggi.**

berucap pada majlis perasmian program Jalinan Ukhluwah, dekat sini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penawar, Hamimah Mansor dan Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Program Jalinan Ukhluwah JCorp, Shahruhi Aslam.

Pada majlis berkenaan, setiap penerima mendapat sumbangan wang tunai bernilai RM100, selain barang keperluan harian dan kelengkapan persekolahan.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, gotong-royong mengelacat bangunan dan pentas di Wisma Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) FELDA Sungai Mas, membersihkan

## Fakta nombor

## 100 PENERIMA

dari SK LKTP Sungai Mas dan SK Bandar Mas, Kota Tinggi

## RM100 TUNAI

serta barang kelengkapan persekolahan setiap pelajar

kawasan sekitar bangunan wisma dan taman permainan, selain mengelacat tiang kawasan pejalan kaki di SK LKTP Sungai Mas.

Sepanjang tahun ini, sebanyak 10 siri program Jalinan Ukhluwah dilaksanakan di Johor termasuk program Semarak Jawi dengan semua program diadakan bertujuan mendekatkan pemimpin masyarakat dan komuniti sehingga ke akar umbi.

Shamsulbari berkata, JCorp diberi mandat oleh kerajaan negeri bagi mentadbir urus pihak berkuasa tempatan (PBT) Pengerang mulai 1 Januari depan yang membabitkan lima mukim iaitu Sedili Kecil, Pantai Timur, Tanjung Surat, selain Johor Lama dan Pengerang.